

PERANAN AKADEmia DALAM PEMBANGUNAN KOMUNITI ASLI

**Abdul Ghafar Don¹, Badlihisam Mohd Nasir²,
Ahmad Faqih Ibrahim & Khairul Azhar Meerangani³**

Abstrak

Akademia atau ahli akademik Institusi Pengajian Tinggi (IPT) begitu sinonim dalam konteks peranan dan sumbangan bagi membangunkan masyarakat Orang Asli di Malaysia. Meskipun dengan keterbatasan aspek kewangan ketika perkembangan ekonomi semasa yang kurang memberangsangkan, para ahli akademik terus menjalankan kegiatan penyelidikan dan khidmat sosial yang memberi impak signifikan kepada pembangunan masyarakat Orang Asli. Artikel ini cuba menganalisis bagaimana para akademia berperanan dan memberikan inisiatif dalam membangun dan memajukan masyarakat Orang Asli. Terdapat empat bidang yang relevan dengan nature akademia yang menjadi fokus perbincangan dalam artikel ini bagaimana para akademia bergerak dalam membangunkan masyarakat Orang Asli, iaitu pengajaran dan khidmat masyarakat, penyelidikan dan penerbitan.

Kata kunci: *Komuniti Orang Asli, Akademia, Pembangunan komuniti*

¹ Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam,
43600 UKM, Bangi, Selangor. Emel: a.g.don@ukm.edu.my

² Universiti Teknologi Malaysia. Emel: bmn@utm.edu.my

³Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka, 78200, Kuala Sungai Baru, Melaka
Emel: ahmadfaqih@kuim.edu.my, khairulazhar@kuim.edu.my

THE ROLE OF ACADEMICIAN IN THE ASSOCIATION OF THE COMMUNITY COMMITTEE

Abstract

Academics or academic institutions of higher learning institutions (IPT) are synonymous in the context of their role and contribution to the development of Indigenous peoples in Malaysia. Despite the limited financial aspects of the current economic downturn, academics continue to conduct research and social service activities that have a significant impact on the development of Indigenous peoples. This article seeks to analyze how academics play a role and provide initiatives in building and developing Indigenous communities. There are four areas relevant to the nature of academia which are the focus of this article on how academics implement in developing Indigenous communities, namely teaching and community service, research and publishing.

Keywords: *Aboriginal Community, Academy, Community Development*

PENGENALAN

Masyarakat Orang Asli (OA) adalah komuniti minoriti yang membentuk sebahagian daripada negara bangsa Malaysia. Sebagai etnik minoriti dan dianggap ketinggalan berbanding bangsa-bangsa lain, pihak kerajaan melalui pelbagai agensi khususnya Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sentiasa memberi perhatian serius dalam membangunkan komuniti Asli. Pelbagai strategi, inisiatif dan program telah dan sedang dirangka dalam usaha untuk meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup Orang Asli supaya tidak jauh ketinggalan dalam pembangunan dan kemajuan arus perdana negara. Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015 misalnya yang memberi fokus kepada enam teras utama dalam meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup Orang Asli adalah rangka mencapai matlamat tersebut. Usaha in turut dibantu oleh agensi dan badan lain termasuklah kolaborasi Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang semakin menunjukkan minat dan keprihatinan mereka dalam melaksanakan program-program yang menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan komuniti Asli. Penglibatan para akademik atau warga akademik IPT turut dilihat agak signifikan dalam memacu pembangunan masyarakat Asli di negara ini. Justeru, kertas in mengemukakan perspektif peranan akademik IPT dalam konteks pembangunan komuniti Asli dalam pelbagai aspek: Pembangunan fizikal, kerohanian, ekonomi, kesihatan dan pendidikan.

MASYARAKAT ORANG ASLI (OA)

Terdapat beberapa tafsiran dan definisi tentang Orang Asli. Iskandar Carey (1976:3) misalnya memberikan definisi Orang Asli dengan menjelaskan bahawa istilah 'Orang Asli' adalah istilah Melayu yang merujuk kepada 'aborigines' dalam Bahasa Inggeris.

Bagaimanapun perkataan 'aborigines' mempunyai konotasi negatif seperti 'backwardness', under-development dan 'primitiveness'. Sedangkan perkataan Melayu Orang Asli tidak mempunyai konotasi sedemikian. Oleh itu, Orang Asli dengan pemakaian istilah Melayu bermaksud atau merujuk kepada 'original', well-born dan 'aristocratic'. Jika dirujuk kepada definisi yang kedua ini, ia memberi konotasi positif berkaitan pendefinisian Orang Asli.

Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) semakan 1974 memberikan definisi Orang Asli seperti berikut:

1. Mana-mana bapanya ialah ahli daripada kumpulan etnik Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan egar dan kepercayaan Orang Asli, dan termasuklah seorang keturunan melalui lelaki orang itu;
2. Mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa budak oleh Orang Asli dan yang telah dibesarkan sebagai seorang Orang Asli, lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan egar dan kepercayaan Orang Asli dan ialah ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli atau;
3. Anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan egar dan kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi ahli daripada masyarakat Orang Asli;

Mana-mana Orang Asli yang tidak lagi berpegang kepada kepercayaan Orang Asli oleh kerana dia telah memeluk mana-mana agama atau oleh kerana apa-apa sebab lain, tetapi dia masih mengikut cara hidup Orang Asli dan adat Orang Asli atau bercakap bahasa Orang Asli tidak boleh disifatkan sebagai tidak lagi menjadi Orang Asli semata-mata oleh sebab dia mengamalkan agama itu.

Komuniti Orang Asli sepertimana yang dinyatakan oleh Hood Salleh (1989) adalah warga peribumi, iaitu penduduk asal di Malaysia. Menurut Hood lagi istilah ini berbeza dengan kelompok yang diistilahkan sebagai bumiputera. Berdasarkan peruntukan dalam Akta 134, Akta Orang Asli 1954, jelas menunjukkan bahawa istilah Orang Asli hanya digunakan bagi menjelaskan status penduduk asal Semenanjung Tanah Melayu. Manakala lain-lain kaum asal di Sabah dan Sarawak serta Orang Melayu di Semenanjung diistilahkan sebagai bumiputera (KhairulHisyam, 2007 et al; Hasan Mat Nor 1998).

Nobuta Toshihiro memetik pandangan Nicholas (2000: 6) dengan menyatakan bahawa, Orang Asli tidak wujud sebagai etnik sebelum tahun 1960, atau dengan lebih tepat pelbagai komuniti Asli di Semenanjung tidak melihat diri mereka sebagai suku kaum atau kumpulan masyarakat yang *homogene (homogeneous group)*. Kerajaan Malaysian secara rasminya telah menggunakan istilah Orang Asli pada tahun 1966. Sebelum itu, Orang Asli disebut dengan pelbagai panggilan seperti Biduanda, Jakun, Sakai, Orang Dalam dan lain-lain.

Para pengkaji seperti Skeat, Blagden dan Iskandar Carey telah membahagikan Orang Asli di Malaysia kepada tiga kelompok utama, iaitu Negrito, Senoi dan

Melayu-Proto. Bagi setiap etnik utama ini, terdapat enam sub-etnik masing-masing. Orang Semai, Temiar, Jahut, Che Wong, Mahmeri dan Semoq Beri adalah di bawah suku kaum Senoi. Temuan, Semelai, Jakun, Kanaq, Kuala dan Seletar adalah di bawah suku kaum Melayu-Proto. Kensiu, Kintak, Jahai, Lanoh, Bateq dan Mendriq pula adalah termasuk dalam suku kaum Negrito. Jadual 1 di bawah menunjukkan pembahagian etnik dan sub-etnik Orang Asli.

Jadual 1: Etnik dan Sub-Etnik Orang Asli Malaysia

EtnikUtama	Sub-Etnik
NEGRITO	Kensiu Kintak Jahai Lanoh Mendriq Bateq
SENOI	Semai Temiar Jahet/Jahut Che' Wong Ma' Betise/Mah Meri Semoq Beri
MELAYU-PROTO	Temuan Semelai Jakun Orang Kanak Orang Kuala Orang Seletar

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia

Dari segi populasi, statistik penduduk Asli Malaysia (Semenanjung Malaysia) tahun 2014 sepertimana yang direkodkan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) ialah 178,197 (SistemMaklumat e-Damak JAKOA 2014). Negeri paling ramai jumlah penduduk Asli ialah Pahang (67,506) diikuti Perak 53,299. Negeri paling sedikit jumlah orang Asli ialah Kedah dengan jumlah penduduk (270 orang). Manakala mengikut suku kaum, penduduk paling ramai ialah Senoi (97,856), diikuti Melayu-Proto (75,332). Paling sedikit ialah Negrito (5009). Jadual 2 di bawah menjelaskan secara terperinci aspek populasi komuniti Asli di Semenanjung Malaysia.

Jadual 2: Jumlah Penduduk Orang Asli 2014 Mengikut Kaum dan Negeri

Bil.	NEGERI	NEGRITO	SENOI	MELAYU-PROTO	JUMLAH
1.	Pahang	925	29,439	37,142	67,506
2.	Perak	2413	50,281	605	53,299
3.	Selangor	3	5073	12,511	17,587
4.	Kelantan	1,381	12,047	29	13,457
5.	Johor	1	55	13,083	13,139
6.	N.Sembilan	0	96	10,435	10,531
7.	Melaka	1	28	1,486	1,515
8.	Terengganu	34	818	41	893
9.	Kedah	251	19	0	270
JUMLAH		5009	97,856	75,332	178,197

PEMBANGUNAN KOMUNITI ASLI

Secara umumnya konsep pembangunan merupakan satu konsep yang luas dan komprehensif menjurus kepada pengertian berlakunya proses peningkatan secara terancang bagi mencapai matlamat tertentu.

Todaro (1977), Seers (1979) dan Syed Husin Ali (1976) lebih menjuruskan pengertian pembangunan dari konteks ekonomi. Hal ini dapat dilihat pada pernyataan pembangunan boleh ditunjukkan melalui terhapusnya kemiskinan, kurang jumlah pengangguran dan rapatnya ketidaksaman.

Namun, konsep pembangunan yang dimaksudkan adalah konsep yang lebih luas bukan sahaja dilihat dalam konteks yang berkaitan ekonomi semata. Bahkan dilihat secara menyeluruh iaitu untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Hal ini dilihat penting sehingga kerajaan telah merangka pelan pembangunan masyarakat orang asli nasional dengan memberikan tumpuan kepada tujuh isu utama iaitu pendidikan, kesihatan, kepimpinan, tanah, budaya, ekonomi dan infrastruktur. (Wan Faizal, 2019).

PERANAN WARGA AKADEMIA

Secara asasnya, peranan atau tanggungjawab ahli akademik dalam pembangunan komuniti asli tertumpu kepada empat bidang utama: **Pengajaran, Penyelidikan, Penerbitan** dan **Khidmat Masyarakat**. Peranan mereka dalam membangunkan komuniti Asli dengan itu tertumpu kepada ke empat-empat bidang tersebut. Peranan ini sebenarnya terserlah melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) ahli akademik meliputi aspek penyeliaan latihan amali dan juga kegiatan penyelidikan serta khidmat rundingan kepakaran.

Pengajaran & Khidmat Masyarakat

Aspek pengajaran melibatkan kegiatan Pengajaran dan Pembelajaran (P & P). Dalam konteks transformasi pendidikan tinggi dan polisi Kementerian Pengajian Tinggi, tumpuan diberikan kepada melahirkan graduan universiti yang berkompentensi. Hasrat ini akan tercapai dengan memberi nilai tambah kepada kegiatan P & P. Antara nilai tambah tersebut ialah mendedahkan pelajar dengan konteks 'Service Learning' (SL) di mana mereka perlu menjalani praktikal atau latihan amali dan khidmat komuniti. Elemen-elemen praktikal dan khidmat komuniti akan dinilai sebagai sebahagian daripada pemarkahan kursus bagi subjek yang diambil pelajar. Aktiviti atau kegiatan amali ini secara tidak langsung merupakan sebahagian daripada sumbangan para ahli akademik dalam bentuk pengajaran dan khidmat masyarakat kepada pembangunan masyarakat Asli.

Sehubungan dengan itu, program-program yang dilaksanakan oleh ahli akademik bagi amali pelajar dengan kerjasama agensi setempat seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli, Majlis/Jabatan Agama Negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia menggunakan pelbagai nama yang menggambarkan aktiviti kemasyarakatan. Program amali pelajar UKM dengan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) misalnya menggunakan nama 'Ukhuwwah Walk' dan 'Program Bakti Desasiswa'. Program kesukarelawan oleh Unisza, serta lain-lain program sepertinya oleh lain-lain IPT (UIAM, Kolej MAHSA, UniKL, USIM, UMP, UMK dan lain-lain) turut menggunakan pendekatan yang sama, iaitu pendekatan sosial. Program-program seumpamanya juga telah dilaksanakan juga di negeri-negeri lain termasuklah Pahang (misalnya kerjasama amali dakwah Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan Jabatan & Majlis Agama Pahang), Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Terengganu dan lain-lain.

Penyelidikan

Penyelidikan adalah aktiviti yang sinonim dengan ahli akademik dan begitu signifikan jika dilihat dalam rangka membangunkan masyarakat termasuk komuniti Asli. Kajian para ahli akademik dalam pelbagai bidang seperti kesihatan, pendidikan, agama, antropologi dan sosiologi, ekonomi, kejuruteraan dan sebagainya telah banyak membantu pembangunan Orang Asli. Kajian-kajian dalam bidang kesihatan telah membantu dalam mengenal pasti penyakit yang dihidap Orang Asli seterusnya mengemukakan 'remedy' kepada masalah yang dihadapi. Kajian dalam bidang pendidikan bertujuan mengenal pasti kadar keciciran pelajar sekolah dalam kalangan Orang Asli, mengenal pasti punca atau sikap murid-murid Asli terhadap pelajaran misalnya adalah bertujuan mencari jalan meningkatkan kualiti pendidikan Orang Asli. Bagi aspek pendidikan adalah penting untuk mengenal pasti latarbelakang pendidikan Orang Asli dan memperkasa ilmu yang ada untuk kelestarian kehidupan mereka. Aktiviti Pendidikan Komuniti dijalankan dengan membentuk Kurikulum dan bahan pengajaran yang bersesuaian dengan Orang Asli. Modul Advokasi Literasi Komuniti Pribumi berdasarkan latarbelakang mereka juga telah dibentuk dan dilaksanakan. Modul in telah memberikan implikasi yang sangat baik di mana

komuniti Orang Asli boleh Berjaya sekiranya ada usaha kearah meningkatkan aspek pendidikan dalam kehidupan mereka. Generasi Orang Asli telah menunjukkan satu perubahan yang matang dan keinginan untuk Berjaya dalam hidup. Aspek memperkasakan pendidikan dan kelestarian amat penting dalam meningkatkan taraf kehidupan. Contoh kepada usaha melestarikan pendidikan Orang Asli ialah projek Pendidikan dalam Komuniti di Pos Gob, Kelantan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia dengan CIMB. Projek Pendidikan dalam Komuniti ini adalah sekolah berkonsepkan persekitaran komuniti atau disebut juga 'tailoring education'. Tujuannya memupuk minat anak-anak Orang Asli belajar dengan tidak terikat dengan sekolah dalam bentuk formal yang menjemukan.

Doris Padmini Selvaratnam Norlida Hanim Salleh, Zaini Embong Hamidah Yamat misalnya dalam kajian sosio-ekonomi mereka telah mengemukakan teori dan model untuk meningkatkan ekonomi komuniti Orang Asli. Ini melibatkan pelbagai model seperti Model Pembangunan Komuniti, Bayaran Bagi Perkhidmatan Ekosistem beserta contoh projek seperti Projek Jejak Rimba yang dilaksanakan dalam meningkatkan ekonomi Orang Asli. Teori dan model yang direka dengan pelaksanaan projek yang bersesuaian mampu mengurangkan masalah kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup Orang Asli.

Penerbitan

Susulan kegiatan penyelidikan telah menyumbang kepada inisiatif menerbitkan input-input atau dapatan kepada kajian yang dilakukan. UKM misalnya telah menerbitkan satu edisi khas Majalah Impak yang memberi fokus kepada laporan kegiatan para ahli akademik universiti dalam pelbagai bidang yang memberi sumbangan kepada pembangunan komuniti Orang Asli. Penerbitan hasil dapatan kajian ini meskipun kelihatan tidak begitu ketara dalam konteks pembangunan masyarakat Asli, namun demikian ia sebenarnya begitu penting khususnya sebagai sumber rujukan kepada pihak-pihak berkepentingan berkaitan pelan pembangunan komuniti Asli seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis/Jabatan Agama Negeri-negeri dan lain-lain. Hasil penerbitan ini telah dirujuk, malah ahli akademik yang menghasilkan penerbitan berdasarkan kajian yang dilakukan pula boleh menjadi perunding kepada agensi-agensinya berkaitan dalam membangun komuniti Asli dan meningkatkan taraf dan kualiti hidup mereka.

KESIMPULAN

Sumbangan para akademia institut pengajian tinggi samada awam atau swasta dalam bidang-bidang seperti pengajaran dan khidmat masyarakat, penyelidikan dan penerbitan telah memberi impak yang besar dalam rangka membangunkan komuniti Orang Asli. Pengetahuan, Kepakaran dan pengalaman akademia dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, kesihatan/perubatan, ekonomi, agama merupakan aset penting yang menjadi rujukan bagi mencapai matlamat pembangunan masyarakat Orang Asli. Misi membangunkan komuniti Orang Asli ini akan lebih bermakna dan

efektif dengan wujudnya kolaborasi agensi-agensi yang terlibat secara langsung dalam membangunkan komuniti Orang Asli dengan para ahli akademik di institute pengajian tinggi.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar Don. 2015. "Islamisasi dan Penghayatan Islam dalam kalangan Masyarakat Asli Semenanjung Malaysia". Dalam Abdul Ghafar Don, Abdul Basir Mohamed & Ahmad Irdha Mokhtar. *Isu Dakwah Kontemporari Serantau*. Bangi:Pusat Kajian Dakwah Orang Asli & Peribumi, UKM.
- Akta 134, Akta Orang Asli 1954
- Colin Nicholas .2000. *The Orang Asli And The Contest For Resources. Indigenous Politics, Development And Identity In Peninsular Malaysia*. Copenhagen: International Work Group For Indigenous Affairs.
- Iskandar Carey. 1976. *Orang Asli: The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Oxford University Press, Kuala Lumpur.
- Hasan Mat Nor, Shahrudin Idrus dan Sarah Aziz Abd. Ghani Aziz (pnyt). 2001. *Round Table Dialogues*. Bangi : Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hood Salleh. 1989. Arah dan Peranan Orang Asli dalam Masyarakat Malaysia Moden. Kertas kerja Persidangan Pembangunan Orang Asli Semenanjung Malaysia. Anjuran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan Kementerian dlam Negeri.09-11 November 1989.
- Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015
- Sistem Maklumat e-Damak JAKOA 2014.
- Syed Husin Ali. 1976. *Social and Political Constraints on Economic Growth and Development in Malaysia*. Heinemann Education.
- Toshihiro Nobuta. 2008. *Living on the Periphery, Development and Islamization among the Orang Asli in Malaysia*. Kyoto: Kyoto University Press.
- Wan Faizal Ismayatim. 2019. Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional dirangka. *Berita Harian*, 17 Disember: 2019.